# INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA 2019

## PENGENALAN

Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) merupakan satu penanda aras pelbagai dimensi yang dibangunkan khas untuk mengukur tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia. Indeks ini dijana melalui penilaian ibu atau bapa terhadap kesejahteraan keluarga mereka. IKK Malaysia telah diperkenalkan pada tahun 2011 dengan nilai skor sebanyak 7.55 daripada skala maksimum 10. Bagi memastikan IKK terus relevan, domain dan indikator yang digunakan telah disemak dan kemas kini agar seiring dengan perkembangan semasa. Oleh itu, IKK siri kedua telah diadakan pada tahun 2016 dengan pertambahan satu domain baharu dan mencatatkan skor sebanyak 7.33 daripada skala maksimum 10.



## INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA 2019 (IKK 2019)

Bagi meneruskan kesinambungan terhadap pengukuran tahap kesejahteraan keluarga, domain dan indikator yang digunakan dalam IKK 2016 telah dijadikan sebagai rujukan utama dalam mengukur tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia. Hasil penemuan IKK 2019 dapat dijadikan input utama dalam mengemukakan cadangan program dan inisiatif pengukuhan kesejahteraan keluarga.

## DOMAIN IKK 2019

- DOMAIN HUBUNGAN KEKELUARGAAN
- DOMAIN KESELAMATAN KELUARGA
- DOMAIN PERUMAHAN DAN PERSEKITARAN
- DOMAIN EKONOMI KELUARGA
- DOMAIN KELUARGA DAN KETERLIBATAN KOMUNITI
- DOMAIN KELUARGA DAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI
- DOMAIN KESIHATAN KELUARGA
- DOMAIN KELUARGA, PERANAN AGAMA DAN AMALAN KEROHANIAN

## SKOR KESELURUHAN, DOMAIN DAN INDIKATOR IKK 2019




**Domain Hubungan Kekeluargaan**

| | |
|---|---|
| Penglibatan Ibu Bapa | 8.48 |
| Kualiti Masa Bersama Keluarga | 8.37 |
| Imbangan Kerja-Keluarga | 7.83 |
| Perhubungan Rapat | 8.50 |
| Kefungsian Keluarga | 8.41 |
| Daya Tindak Keluarga | 8.45 |
| Daya Tahan Keluarga | 8.37 |

**Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi**

| | |
|---|---|
| Pengaruh Aplikasi Komunikasi | 6.17 |
| Kawalan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Teknologi Komunikasi | 7.47 |

**Domain Ekonomi Keluarga**

| | |
|---|---|
| Kesejahteraan Kewangan | 7.67 |
| Pengurusan Kewangan | 7.66 |

**Domain Perumahan dan Persekitaran**

| | |
|---|---|
| Kawasan Perumahan | 7.46 |
| Tahap Pencemaran | 7.67 |
| Amalan 3R | 6.92 |

**Domain Kesihatan Keluarga**

| | |
|---|---|
| Amalan Kesihatan Keluarga | 7.77 |
| Kesihatan Umum | 7.11 |

**Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian**

| | |
|---|---|
| Peranan Agama | 8.58 |
| Amalan Kerohanian | 7.92 |

**Domain Keselamatan Keluarga**

| | |
|---|---|
| Keselamatan Keluarga | 8.32 |
| Pengetahuan Kecemasan | 7.40 |

**Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti**

| | |
|---|---|
| Kerjasama Dalam Komuniti | 7.75 |
| Hubungan Dalam Komuniti | 8.25 |

# PERBANDINGAN INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA 2016 (IKK 2016) DAN INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA 2019 (IKK 2019)

Skor IKK 2019 telah mencatatkan peningkatan kepada 7.72 daripada skala maksimum 10 berbanding 7.33 pada tahun 2016.

**IKK 2019**
**7.72**

**IKK 2016**
**7.33**




| DOMAIN | 2019 | 2016 |
|---|---|---|
| Hubungan Kekeluargaan | 8.35 | 7.90 |
| Ekonomi Keluarga | 7.67 | 7.05 |
| Kesihatan Keluarga | 7.44 | 7.18 |
| Keselamatan Keluarga | 7.86 | 7.96 |
| Keluarga dan Keterlibatan Komuniti | 8.00 | 7.84 |
| Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian | 8.25 | 8.04 |
| Perumahan dan Persekitaran | 7.35 | 6.24 |
| Keluarga dan Teknologi Komunikasi | 6.82 | 6.38 |

## PERBANDINGAN SKOR IKK MENGIKUT NEGERI




*Sumber:*
*Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2019, 2020*

IKK 2016 IKK 2019

UNTUK KETERANGAN LANJUT
**www.lppkn.gov.my**

@lppkn_pop

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

LPPKN
LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA